

Simbol Hamburg abad ke-21

Kosmo m/s 22 16.5.07

Bandar pelabuhan, Hamburg akan dihidupkan dengan seni bina gandingan era moden dan lama melalui pembinaan HafenCity.



HAMBURG bakal mencapai taraf yang kini dimiliki oleh sebuah dewan opera berbentuk seperti cengkering putih di Sydney.

KREN-KREN tinggi dan himpunan tanah yang menguung mengagap kompleks-kompleks apartmen kaca dan bata baru yang indah di kawasan yang terletak berhampiran dengan pusat bersejarah di bandar pelabuhan Jerman yang sibuk ini.

Kerja-kerja menaiktaraf kawasan yang menawarkan pemandangan air di Hamburg merupakan projek pembangunan terbesar sepertinya di Eropah. Ia eksperimen yang diuruskan dengan penuh berhati-hati kepada kehidupan moden yang diharapkan oleh pihak berkuasa akan mengubah bandar tersebut kepada sebuah magnet budaya.

Mercu tanda bangunan berkos RM1.1 bilion, HafenCity baru akan terdiri daripada dewan konsert dengan kaca berbalut yang mampu menjadikan Hamburg mencapai taraf yang kini dimiliki oleh sebuah dewan opera berbentuk seperti cengkering putih di Sydney, adalah hasil kerja Jorn Utzon.

Dari atas sebuah bangunan penyimpanan pelabuhan yang besar dan dibina pada tahun 1960-an, senibina Elbe Philharmonic yang ikonik akan mendominasi hujung barat sebuah pembangunan yang turut termasuk 12,000 buah apartmen yang direka khas, pejabat, kedai, kemudahan budaya dan juga sebuah kampus universiti dalam kawasan seluas 380 ekar di pelabuhan lama yang terbiar.

"Ia akan menjadi simbol Hamburg



JUERGEN BRUNS-BERENTELG menjelaskan semua bangunan di HafenCity berkonsepkan persekitaran urban yang moden.

pada abad ke-21. Malah, sebelum ia disiapkan sepenuhnya, ia membantu meletakkan Hamburg di peta antarabangsa," kata Karin von Welck, seorang ahli pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan mengendali bahagian kebudayaan.

Kerja-kerja membangunkan dewan setinggi 110 meter yang direka oleh arkitek Swiss, Herzog & de Meuron,

yang juga menghasilkan muzium seni moden antarabangsa, Tate Modern, bermula pada bulan April lalu dan dijangka siap pada tahun 2010.

Hamburg mungkin kekurangan tarikan sejarah seperti pesaing hebatnya di sebelah timur, Berlin dan kemewahan hidup di Munich yang terletak di barat, namun bandar yang diduduki oleh kira-kira 1.7 juta penduduk di Sungai Elbe ini menarik

perhatian penghidupan semula budaya dan ekonomi yang luar biasa.

Mula wujud pada abad ke-8, Hamburg kemudian timbul sebagai pelabuhan Laut Utara terpenting dari antara bandar-bandar Zaman Pertengahan dengan menawarkan bijirin, kain, bulu-bulu haiwan, rempah, balak dan logam melaluinya.

Perdagangan antarabangsa kekal sebagai sumber kehidupannya. Hamburg mempunyai pelabuhan kedua terbesar di Eropah selepas Rotterdam, dengan mengendalikan 134 juta tan barangan pada tahun 2006 dan merupakan destinasi terbesar untuk perkakasan yang datang dari China.

Pada tahun lalu, dengan Jerman hidup semula selepas beberapa tahun tiada peningkatan dan merekodkan pertumbuhan terbaik sejak tahun 2000, Hamburg menikmati ekonomi yang dipandu oleh sektor eksport.

Institut Ekonomi HWWI yang berpusat di Hamburg pada bulan lalu meramalkan ekonomi bandar tersebut akan meningkat sebanyak 3.7 peratus pada tahun ini dan 4.2 peratus pada tahun 2008, berbanding 2.3 peratus dan 2.4 peratus pada tahun yang sama untuk negara Jerman secara keseluruhannya.

Disebabkan oleh kuasa perdagangannya, Hamburg menempatkan lebih 90 buah konsulat sekali gus muncul lokasi kedua terbesar selepas New York. Ia juga mempunyai lebih 2,300 buah jambatan dan melebihi gandingan jumlah

antara Venice dan Amsterdam.

Sungguhpun demikian, tanyalah siapa di luar Jerman apakah yang menjadikan Hamburg istimewa, anda akan menerima jawapan berbentuk acuh tak acuh.

"Ikografi Hamburg masih lagi lemah. Ia tidak berhubung secara rapat dengan sebarang bangunan ataupun imej seperti New York dengan mercu tandanya atau Berlin dengan Brandenburger Gate.

"Bandar ini mempunyai imej yang positif tetapi tidak semestinya dilihat sebagai inovatif atau dinamik," kata Jurgens Bruns-Berentelg, perancang bandar yang menguruskan pembinaan Hafencity.

Hafencity yang dijangka siap pada tahun 2020, dibina dengan tujuan untuk mengubah semua itu.

Disebabkan Hamburg memiliki sebahagian besar tanah projek pembinaan 'bandar dalam bandar itu', ia telah membiayai sebahagian daripadanya melalui penjualan lot.

Pelabur swasta membiayai selebihnya. Namun demikian, mereka adalah yang terpilih selepas melalui proses saringan yang teliti.

Pihak berkuasa tempatan bertekad untuk mengelakkan kejatuhan satu lagi projek pemulihan pelabuhan seperti Docklands di London atau South Street Seaport di New York, di mana Bruns-Berentelg mengabaikannya sebagai karikatur berorientasikan pelancongan yang menunjuk-nunjuk.

"Kami lebih bercita-cita tinggi. Cabaran kami ialah untuk mengekalkan identiti sejarah dan pada masa yang sama mewujudkan benda yang baru," kata lelaki berusia 55 tahun yang telah mengetuai pembinaan semula Potsdamer Platz di Berlin pada tahun 1990-an.

Sebagai hasil, kebanyakan bangunan di Hafencity akan mempunyai bahagian depan yang diperbuat daripada bata untuk seiring dengan kompleks gudang Speicherstadt yang dibina pada abad ke-19 yang bersambung dengan pembangunan itu.

Bagi memastikan pembangunan adalah terkini dan pelbagai, rekaan setiap bangunan adalah terbuka untuk persaingan. Rem Koolhaas dari Belanda yang akan mereka bentuk sebuah pusat

SEBAHAGIAN daripada pemandangan Hafencity yang masih dalam pembinaan.

Kosmo m/s 23
16.5.07



sains futuristik, merupakan seorang daripada beberapa arkitek asing yang terlibat dalam projek berkenaan.

Brun-Berentelg gemar berbicara berkenaan ruang awam berkualiti tinggi, di mana penduduk, pekerja dan pelancong boleh berinteraksi dalam persekitaran urban yang moden.

Tidak terdapat sebarang pusat beli-belah di Hafencity. Sebaliknya, kesemua bangunan sama ada menempatkan ruang pejabat atau tempat tinggal akan mempunyai tingkat bawah setinggi 5 meter untuk menarik peniaga dan restoran sekali gus mewujudkan budaya jalanan.

Kereta-kereta akan diletakkan di ruangan bawah tanah, manakala siar kaki berhadapan kawasan air turut disediakan.

Pihak perancang juga telah mengupah seorang 'koordinator integrasi so-

sial' bagi memastikan penduduk sedar akan kesemua kemudahan yang ditawarkan.

Sungguhpun demikian, pembinaan Hafencity tidak wujud tanpa kritikan. Pada bulan lalu, bekas Datuk Bandar Hamburg, Henning Vorscherau, yang telah melancarkan projek tersebut sedekad lalu, mengutuk rekaan yang dipenuhi kaca terhadap kira-kira sedozen bangunan yang telah dibina.

"Risikonya ialah tiga dekad daripada sekarang, sebuah generasi baru akan menggeleng kepala mereka dan enggan tinggal atau bekerja di sana," katanya kepada sebuah akhbar tempatan, *Hamburger Abendblatt*.

Michael Naumann, pesaing tetap kepada Datuk Bandar Ole von Beust pada pilihan raya tahun 2008, telah mengaitkan keputusan bandar tersebut untuk membina Elbe Philharmonic dengan

pembelian sebuah kereta Rolls Royce oleh seseorang yang hanya mampu membeli sebuah kereta Fiat.

Namun begitu, mendengar Hartmut Wegener yang memantau pembinaan dewan tersebut, adalah agak sukar untuk tidak tertarik dengan skop luas projek berkenaan.

Wegener memberitahu, bagaimana panel khas gelas berlingkung di dewan tersebut yang direka untuk meniru kockan air sekeliling akan melalui lima kilang berbeza di seluruh Eropah apabila ia dihasilkan, ditekan dan diolah kepada bentuknya.

"Ia bukanlah sekadar bangunan biasa. Ia akan berkerlipan, bergerak dan seperti air, umpama ia hidup. Ia sesuai untuk sebuah pelabuhan di Hamburg dan itulah yang menyebabkan projek ini sesuatu yang menyeronokkan," kata beliau. - Reuters